

MENILAI KELANGSUNGAN PERNIAGAAN MELALUI KAEDAH ANALISA KECEKAPAN

Oleh: Akma Hidayu Abdul Wahid

Krisis penularan wabak COVID-19 terus mengakibatkan ketidaktentuan ekonomi dan ini terus menghimpit aliran kewangan perniagaan. Kini, COVID-19 sudah beralih dari fasa pandemik ke fasa endemik di mana sektor-sektor ekonomi telah dibuka dan rakyat disarankan untuk mengadaptasi normal baru akibat virus ini dalam kelangsungan hidup.

Mencari jalan untuk menangani cabaran ekonomi kini bukanlah mudah. Ada perniagaan yang terpaksa “dibungkus”, malah banyak yang dalam berkeadaan “nyawa-nyawa ikan”. Dari sudut perakaunan, penulis berpendapat bahawa, analisa kedudukan kewangan adalah amat penting bagi meningkatkan kedudukan kompetitif sesebuah syarikat.

ANALISA PENYATA KEWANGAN (FSA)

Analisa ini dapat membantu banyak pihak berkepentingan untuk memahami keuntungan, kecekapan dan keberkesanan operasi dari sumber aset yang dimiliki sesebuah syarikat. Analisa kewangan boleh dibahagikan kepada 5 jenis nisbah (Diagram 1.0). Analisa ini bukanlah suatu yang asing bagi sesebuah syarikat menentukan kedudukan kewangan perniagaan dalam sesuatu jangka masa waktu. Ia selalunya di buat sewaktu pembentangan syarikat di pertengahan dan akhir tahun.




Diagram 1.0 Analisa Penyata Kewangan

Bagi sesebuah korporat besar, terdapat banyak lagi analisa yang boleh digunakan bagi menilai kecekapan bagi setiap unitnya. Penulis ingin membincangkan secara umum satu lagi kaedah analisa yang dapat menilai kecekapan unit atau jabatan di dalam sesebuah organisasi iaitu Analisa

Penyampulan Data atau lebih dikenali dengan “*Data Envelopment Analysis*”.



ANALISA PENYAMPULAN DATA (DEA)

Kaedah analisa penyampulan data dilakukan bertujuan bagi menilai kecekapan organisasi (merujuk kepada unit pembuat keputusan (DMU) dalam konteks kamus DEA). Konsep kecekapan yang digunakan adalah berorientasikan *input* dan *output*.

Kaedah ini diperkenalkan oleh Farrel (1957). Kajian lanjutan telah dijalankan dan model yang berorientasikan *input* dan *output* dalam kadar yang tetap dibangunkan dan diberi nama CCR model (Charnes et. Al, 1978 and Coelli, 1996). Model ini dibangunkan dengan andaian apabila peningkatan output atau pengurangan input berlaku dalam kadar yang tetap dan dipanggil *Constant Return Scale (CRS)*. Secara ringkas, model ini seterusnya ditambah baik oleh Banker et. al (1984) yang mencadangkan BCC model di mana model ini mengandaikan bahawa pengurangan input atau peningkatan output adalah pada kadar yang tidak tetap dan dipanggil *Variable Return Scale (VRS)*.

Analisa ini telah dibuktikan dalam banyak kajian sangat berkesan untuk menilai kecekapan relatif operasi organisasi atau setiap DMU di dalam sesebuah organisasi seperti hospital, institusi zakat, syarikat insurans, universiti dan sebagainya. Dengan kaedah ini, setiap unit atau jabatan dalam organisasi dapat di buat perbandingan dari segi kecekapan dalam mencapai sesuatu fungsi yang sama. Ia dapat membantu organisasi dalam menentukan unit mana yang lebih cekap dan kurang cekap. Hasilnya, langkah penambahbaikan dapat di buat bagi unit yang bermasalah. Apatah lagi di dalam keadaan ekonomi yang terkesan dan terdesak ia dapat

membantu agar organisasi tidak membuat keputusan salah dalam mengekalkan unit yang terbaik.

Kaedah ini dapat menyasarkan input yang digunakan ataupun output yang sepatutnya dicapai bagi meningkatkan prestasi unit yang berkaitan. Bukan satu tetapi analisa boleh di buat dengan pelbagai bilangan input dan output. Contoh input dan output bagi sesebuah organisasi perniagaan secara umum adalah seperti berikut:

Input	Output
Asset	Revenues
Operating expenses	EBIT
Capital	Investment Income
Labors	

Antara aspek andaian yang perlu diambil sekiranya sesebuah organisasi ingin membuat perbandingan unit atau jabatannya adalah data input dan output dan yang akan dinilai adalah data homogen. Setiap unit di bawah satu fungsi yang sama, menggunakan jenis input yang sama bagi menyasarkan output yang sama. Terdapat dua orientasi di dalam kaedah ini iaitu 1) *Orientasi Input*: Menyasarkan pengurangan input yang dimanfaatkan oleh Unit Pembuat Keputusan (DMU) dalam ketetapan capaian output, dan 2) *Orientasi output*: Menyasarkan peningkatan output dalam ketetapan input. Begitu juga dengan skala, terdapat 2 skala yang boleh dipilih untuk digunakan di dalam model ini iaitu skala *Variable Return Scale (VRS)* dan *Constant Return Scale (CRS)*. Skala ini ditentukan berdasarkan kesesuaian kajian.

Bagaimana kita ingin memahami interpretasi kecekapan relatif dari kaedah ini? Penulis akan menerangkan secara ringkas di ruang yang singkat ini. Skor kecekapan yang akan diperolehi melalui kaedah ini adalah antara 0 hingga 1. Skor kecekapan ini akan membahagikan DMUs kepada dua kategori; cekap dan tidak cekap. Skor 1 menunjukkan DMUs tersebut adalah cekap, manakala lebih dari 0 tetapi kurang dari 1, adalah tidak cekap. Di dalam kajian, kita mungkin akan mendapati ada beberapa DMUs yang mendapat skor 1. Jika ingin mendapat '*ranking*' antara DMUs yang cekap ini, analisa yang lain perlu di buat memandangkan kaedah ini tidak mendiskriminasi DMUs yang telah diklasifikasikan sebagai cekap.

Adakah berbaloi untuk sesebuah organisasi menjalankan analisa-analisa seperti ini?. Pada

pendapat peribadi penulis, perlu untuk memastikan kelangsungan jangka masa panjang organisasi

tersebut. Dengan kaedah ini, organisasi dapat mengenal pasti unit-unit yang bermasalah serta apa yang perlu diperbaiki melalui analisa input dan output yang telah dipilih untuk kajian sesebuah organisasi. Malah, telah banyak penyelidikan menggunakan kaedah ini bagi mengenal pasti faktor kecekapan dalam pelbagai sektor.

MYIPO



INPUT



PROSES



OUTPUT

RUJUKAN:

Banker, R. D, Charnes, A. and Cooper, W. W. (1984). Some models for estimating technical and scale inefficiencies in data envelopment analysis. *Management science*, Vol (30)(9), pp 1078-1092.

Charnes, A., Cooper, W. W. and Rhodes, E. (1978). Measuring the efficiency of decision-making units. *European Journal of Operational Research* pp 429-444.

Curtis, P. G., Haniyas, M., Kourtis, E., Kourtis, M., (2020). Data Envelopment Analysis (DEA) and Financial Ratios: A Pro-Stakeholders' view of performance measurement for sustainability value creation of the wind energy, *International Journal of Economics and Business Administration*, Vol VIII (2), pp 329-350.

